DATE: 27 JUNE 2014

PUBLICATION: BERITA HARIAN

SECTION: BUSINESS SECTION

SECTION: BUSINESS SECTION

HEADLINE: REACH ENERGY TO PLACE RM710.62 MILLION IN TRUST

FUNDS

CATEGORY: COMPANY NEWS

MEASUREMENT: 302 SQ CMS

RM710.62j jana Reach Energy

» Peruntukan disedia untuk lindungi pelabur

Oleh Suffian A Bakar suffian@bharian.com.my

each Energy Bhd, yang bakal menjadi syarikat tujuan khas pengambilalihan (SPAC) terbesar berdasarkan permodalan pasaran, memperuntukkan 94.75 peratus atau RM710.62 juta daripada dana yang akan dijana daripada tawaran awam permulaan (IPO) ke dalam akaun amanah, peruntukan tertinggi dalam kalangan SPAC tempatan setakat ini.

Ketua Pegawai Kewangannya, Azmi Arshad, berkata peruntukan lebih tinggi daripada syarat minimum dikenakan Suruhanjaya Sekuriti (SC) itu bertujuan memberikan perlindungan lebih tinggi kepada pelabur, selaras matlamat utama penubuhannya.

Tumpu aset 'brownfield'

Beliau berkata, syarikat akan menumpukan aset 'brownfield'



Shahul Hamid (tengah) dan Zainudin serta Azmi (kiri) pada **majlis pemeteraian perjanjian** taja jamin antara Reach Energy dan
Hong Leong Investment Bank Bhd di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH]

atau projek yang sudah dibangunkan berikutan risikonya yang lebih rendah.

"Kita melihat untuk mengambil alih aset yang sudah bersedia untuk pembangunan atau digunakan. Kita kurang berminat mengambilalih aset carigali kerana risikonya yang

lebih tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pemeteraian perjanjian taja jamin antara Reach Energy dan Hong Leong Investment Bank Bhd di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama Pengarah Urusan Reach Energy, Shahrul Hamid Mohd Ismail; Pengarah Urusan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Hong Leong Investment Bank, Lee Jim Leng, dan Pengurus Besar Amanahraya Trustees Bhd, Zainudin Suhaimi.

Hong Leong Investment Bank adalah penasihat utama, ejen penempatan dan penaja jamin IPO berkenaan.

Garis panduan baharu Suruhanjaya Sekuriti ke atas penubuhan SPAC mensyaratkan sekurang-kurangnya 90 peratus daripada dana IPO dimasukkan ke dalam akaun amanah.

SPAC adalah syarikat yang tidak memiliki operasi atau perniagaan yang menjana pendapatan pra IPO, yang mana dana dijana daripada IPO akan digunakan sepenuhnya untuk membeli operasi, perniagaan atau aset pihak ketiga, dikenali sebagai perolehan kelayakan.

Sementara itu, Shahrul Hamid berkata buat permulaan sasaran pengambilalihan tertumpu di Asia Pasifik.

Beliau berkata, adalah menjadi aspirasi pihak pengurusan di Reach Energy untuk menjadi syarikat carigali dan pengeluaran (E&P) bebas global yang berpangkalan di Malaysia.